


FENOMENA FASA-FASA BULAN

DISEDIAKAN OLEH:
JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK



Pendahuluan


Pada malam hari, sudah pasti kita pernah merenung ke langit dan memerhati objek di langit terutamanya bulan. Ianya berubah setiap hari daripada bulan sabit kemudian menjadi bulan penuh dan menjadi bulan sabit semula. Pernahkah kita terfikir tentang perubahan tersebut? Sebenarnya perubahan bentuk bulan berlaku disebabkan oleh bulan yang beredar mengelilingi bumi.

Firman Allah *Subhanahuwataala*:

Maksudnya: *“Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya – (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering.”*

Surah Yassin (36) : 39

Rajah di bawah menunjukkan berlakunya fasa-fasa bulan.



Kepentingan Fasa-Fasa Bulan dalam Islam

Penciptaan bulan di fasa-fasanya sudah tentu mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada umat Islam. Di antara kepentingannya adalah untuk mengukur atau mengira waktu.

Firman Allah *Subhanahuwataala*:

Maksudnya: “Mereka itu bertanya dengan kamu wahai Muhammad berkenaan anak - anak bulan yang muncul setiap awal bulan, katakanlah olehmu wahai Muhammad, anak-anak bulan itu adalah alat pengukur waktu (Takwim) kepada manusia dan waktu pelaksanaan ibadah haji....”

Surah al-Baqarah (2): 189

Kejadian fasa-fasa bulan ini telah dimanfaatkan dan digunapakai oleh manusia dalam membuat sistem kalendar seperti takwim qamari atau juga dikenali sebagai takwim bulan dan takwim lunar. Bagi umat Islam, pengukuran waktu ini banyak manfaatnya dalam kehidupan terutama berkaitan dengan ibadah. Di antaranya ialah;

- **Rujukan bagi menentukan awal bulan Hijrah.** Permulaan bulan baru dalam Islam dikira dengan munculnya hilal (anak bulan). Hilal ialah bulan sabit yang muncul di ufuk Barat sebaik sahaja terbenam Matahari pada 29 atau 30 hari bulan setelah berlakunya ijtimak di antara Bulan dan Matahari.
- **Penentuan bagi tempoh wajib berzakat iaitu simpanan dan tabungan (Haul zakat).** Ia merupakan syarat wajib mengeluarkan zakat pada beberapa jenis harta yang mesti dikeluarkan oleh pemiliknya setelah berlalu tempoh setahun.
- **Sebagai panduan bagi wanita dalam menghitung tempoh iddah** setelah bercerai atau kematian suami.

Kesimpulan

Alangkah besarnya manfaat yang diperoleh oleh manusia daripada penciptaan bulan.

Firman Allah *Subhanahuwataala*:

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).”

Surah Yunus (10) : 5

Oleh itu, umat Islam diseru agar sentiasa merenung dan mengkaji kejadian alam yang berlaku dan semoga ianya akan menambahkan keimanan kita kepada Allah *Subhanahuwataala*.

Rujukan:

Al-Quran

Badan Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sains Tahun 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Suwaibatullasmiah binti Jalaludin, Sopia binti Md Yassin, & Tan Mun Wai. (2014). *Sains Sekolah Kebangsaan Tahun 5*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanafiah bin Abd. Razak (2008), *Keperluan Takwim Qamari dalam Ibadat Khusus* (Seminar Penghayatan Ilmu Falak di Kompleks Falak al-Khawarizmi Melaka, 26 Julai 2008), h. 5.

Nuhverah. 2012. *Apakah itu Fasa-fasa Bulan dan bagaimana ia berlaku?*. <https://mesejbulan.wordpress.com/> [21 Mei 2012].

Wikipedia Ensiklopedia Bebas. 2013. *Fasa Bulan*.
https://ms.wikipedia.org/wiki/Fasa_bulan. [9 Mac 2013].

Wikipedia Ensiklopedia Bebas. 2020. Takwim Qamari.
https://ms.wikipedia.org/wiki/Takwim_qamari. [1 Mac 2020].

Tintabegum. 2011. *Fasa-fasa Bulan*. <http://back2tinta.blogspot.com/>. [1 Oktober 2011].